

## Persepsi Masyarakat India Terhadap Agama dan Komuniti Islam Taman Kajang Utama dan Taman West Country

AHMAD REDZUWAN MOHD YUNUS  
BADLIHISHAM MOHD NASIR

### ABSTRAK

*Kajian ini bermatlamat untuk melihat persepsi masyarakat India terhadap agama dan umat Islam di dua penempatan di sekitar Kajang, iaitu Taman Kajang Utama dan Taman West Country. Kajian ini juga bertujuan untuk meneliti persepsi mereka terhadap aktiviti yang dilakukan oleh penduduk yang beragama Islam. Kajian ini menggunakan dua metodologi yang terdiri daripada metodologi kepustakaan dan lapangan. Hasil kajian mendapati bahawa persepsi masyarakat India terhadap agama Islam amat tinggi dan memberangsangkan jika dibandingkan dengan persepsi mereka terhadap umat Islam lebih-lebih lagi terhadap aktiviti yang dijalankan oleh masyarakat Islam khususnya di Taman Kajang Utama dan Taman West Country.*

### ABSTRACT

*The objective of the research is to study the perception of the Indian community towards Islam and its nation in Taman Kajang Utama and Taman West Country, Kajang. It is also aimed to examine their perception towards Islamic activities promoted by the local Muslim community. In order to achieve the objective of the study, the research have employed two common methodologies namely library and fieldwork approaches. The finding of the study is that the Indian community has a positive perception towards the religion of Islam. Nevertheless, their perception towards Muslim and the Islamic activities is considerably less supportive if not negative.*

### PENDAHULUAN

Persepsi non-Muslim terhadap Islam dan umatnya selalunya negatif sebagaimana yang tertera dikebanyakan media. Islam sering digambarkan sebagai agama yang menindas, lapuk dan ketinggalan zaman berbanding dengan agama dan fahaman lain yang wujud di atas muka bumi ini. Sedangkan agama Islam merupakan agama yang terakhir (*khatimah*), komprehensif (*tammah*) dan menyeluruh (*alamiah*). Ini bererti agama Islam begitu sinonim dengan kehidupan manusia sehingga ke

hari kiamat dan amat wajarlah pandangan di atas diperbaiki. Cukuplah pandangan tersebut dilontarkan oleh golongan non-Muslim yang sememangnya bersifat benci dan antikan Islam.

Umat Islam pula sering dilebalkan sebagai masyarakat yang ekstrem, fundamentalis dan pelampau. Namun begitu, terdapat juga di kalangan non-Muslim yang bersikap jujur dan ikhlas dalam mengutarakan pandangan mereka dan sebenarnya mereka lah golongan yang amat hampir memahami Islam dan umatnya. Islam dan umatnya adalah dua unsur yang berbeza dan inilah konsep yang perlu difahami oleh non-Muslim. Islam tetap dengan kesuciannya. Umatnya pula tidak semestinya bertindak sesuai dengan tuntutan Islam kerana kehidupan orang Islam seringkali didampingi oleh musuh-musuh Islam, sama ada yang berbentuk dalaman maupun luaran yang sentiasa berusaha untuk mengheret masyarakat Islam tergelincir dari tasawwur Islam.

#### KONSEP PERSEPSI

Manusia dikatakan sebagai makhluk yang lemah dan serba kekurangan lantaran ketidakmampuan mereka menjangkau perkara-perkara di luar pancaindera mereka. Oleh sebab itu, seseorang individu atau kelompok sering membuat persepsi yang mana makna yang diberikan kadang-kadang membawa pengertian yang berbeza. Mereka membuat telahan-telahan spekulasi dan sesetengahnya pula langsung berani membuat tanggapan terus secara spontan. Sejauhmanakah tanggapan individu itu betul, sukar disahkan. Walau dalam keadaan apa sekalipun, manusia pasti membuat persepsinya sendiri mengikut rasanya dan juga melalui pengalaman-pengalaman sebelumnya.

Menurut pendapat ahli-ahli psikologi, seseorang itu akan membentuk persepsi yang positif terhadap sesuatu idea atau perkara yang mempunyai kelebihan atau keistimewaan serta dapat menarik minat, citarasa, motivasi dan pengalamannya. Begitu juga sebaliknya, seseorang itu akan membentuk persepsi yang negatif jika sesuatu idea atau perkara tersebut tidak menarik minat, citarasa, motivasinya dan akan menggugat penderiaannya (Morris 1976:350). Menurut Albers (1974:374), perbezaan-perbezaan persepsi di kalangan individu adalah disebabkan oleh beberapa boleh ubah seperti umur, jantina, pendidikan, faktor psikologi seperti ekonomi, tempat tinggal, kepentingan organisasi, agama, personaliti dan sebagainya. Oleh kerana itulah Walter (1974:118) berpendapat bahawa persepsi pada keseluruhannya merupakan satu proses di mana seseorang individu memilih, menyusun dan menginterpretasikan rangsangan yang wujud di dalam persekitarannya kepada suatu gambaran yang tersusun dan memberierti kepada dirinya.

Scara umumnya, persepsi adalah aspek yang terlalu bersifat peribadi. Ia merupakan cara bagaimana seseorang individu memproses data-data mentah atau rangsangan yang diterimanya menjadi pola-pola yang bermakna. Oleh kerana

itu, persepsi setiap individu ke atas sesuatu perkara yang sama mungkin berlainan. Sebagai contoh seorang penoreh getah dan seorang pekebun sayur berkemungkinan besar mengamati hujan dengan cara yang agak berbeza. Hujan bagi penoreh getah merupakan satu kesedihan tetapi sebaliknya merupakan satu kegembiraan kepada pekebun sayur. Ini menunjukkan individu mempunyai pola persepsi yang berbeza ke atas pola rangsangan yang sama.

Dalam kefahaman Islam, setiap manusia diberikan Allah kemampuan untuk mengamati dan mengenal sesuatu yang ada di sekitarnya dengan menggunakan pancaindera. Mengenal dan mengamati merupakan proses yang amat penting bagi kesedaran manusia kerana dengan kemampuan tersebut manusia dapat memahami atau mengamati segala sesuatu yang ada di alam ini. Seterusnya daripada pengamatan tersebut manusia dapat mengenali kebesaran dan kekuasaan Allah s.w.t. Akhirnya dengan kesedaran inilah manusia akan menjalankan fungsinya sebagai makhluk terhadap Tuhan-Nya. Manusia yang tidak menggunakan pancaindera yang dikurniakan oleh Allah s.w.t. untuk mengamati dan meneliti kekuasaan dan kebesaran Allah s.w.t., mendapat celaan-Nya. Firman-Nya dalam surah al-A'raf 7:179 Maksudnya:

Dan sesungguhnya Aku jadikan untuk neraka jahannam banyak dari jin dan manusia yang mempunyai hati yang tidak (mahu) memahami dengannya (ayat-ayat Allah), dan mempunyai mata yang tidak (mahu) melihat dengannya (bukti keesaan Allah), dan mempunyai telinga yang tidak (mahu) mendengar dengannya (ajaran dan nasihat), mereka itu seperti binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi; mereka itulah orang-orang yang lalai.

Berdasarkan ayat di atas, pengamatan merupakan satu proses yang sangat penting bagi kesedaran manusia kerana dengan kemampuan tersebut manusia dapat memahami atau mengerti akan segala sesuatu yang berada di sekitarnya. Melalui pengertian tersebut, fungsi-fungsi kejiwaannya dapat mengadakan reaksi yang tepat berupa tingkahlaku atau perbuatan-perbuatan baik sama ada dari sudut rohaniah maupun jasmaniah.

Dalam al-Qur'an, terdapat banyak ayat al-Qur'an yang menggesa supaya manusia melakukan pengkajian dan penelitian dunia fizikal untuk mendekatkan diri kepada Allah melalui tanda-tanda (ayat) di alam ini. Firman Allah dalam surah Yunus 10:101. Maksudnya:

Katakanlah (wahai Muhammad): Perhatikan dan fikirkanlah apa yang ada di langit dan di bumi (dari segala kejadian) yang menakjubkan, yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaan-Nya.

Firman-Nya lagi dalam surah al-Ra'd 13.2. Maksudnya:

Allah jualah yang menjadikan langit terangkat tinggi dengan tidak bertiang sebagaimana yang kamu melihatnya, kemudian Ia bersemayam di atas arash; dan Ia memudahkan matahari dan bulan (untuk faedah makhluk-makhluk-Nya); tiap-tiap satu dari keduanya beredar untuk suatu masa yang telah ditetapkan. Allah jualah yang mentadbirkan segala

urusan; Ia menerangkan tanda-tanda kekuasaan-Nya satu persatu, supaya kamu yakin kepada pertemuan Tuhan kamu (untuk menerima balasan).

Al-Quran adalah petunjuk untuk semua umat manusia dan tidak mengabaikan sesuatu pun yang berhubung dengan tingkah laku. Sebagaimana firman Allah s.w.t. dalam surah al-Nahl 16:89 Maksudnya:

Dan (ingatkanlah tentang) hari Kami bangkitkan dalam tiap-tiap umat, seorang saksi terhadap mereka dari kalangan mereka sendiri; dan Kami datangkanmu (wahai Muhammad) untuk menjadi saksi terhadap mereka ini (umatmu); dan Kami turunkan kepadamu al-Qur'an menjelaskan tiap-tiap sesuatu dan menjadi hidayah petunjuk, serta membawa rahmat dan berita yang menggembirakan, bagi orang-orang Islam.

Firman-Nya lagi dalam surah al-An'am 6:38. Maksudnya:

Dan tidak seekor pun binatang yang melata di bumi, dan tidak seekor pun burung yang terbang dengan kedua sayapnya, melainkan (mereka ialah) umat-umat seperti kamu. Tiada Kami meninggalkan sesuatu pun di dalam kitab (al-Qur'an) ini; kemudian mereka (sekalian) akan dihimpunkan kepada Tuhan mereka (untuk dihisab dan menerima balasan).

Menurut al-Qur'an, alat untuk mengkaji alam adalah pancaindera dan akal, kerana akal yang berpandukan kepada wahyu akan memimpin manusia menuju kebenaran dan manusia akan sesat sekiranya memilih saluran yang lain untuk melaksanakan Islam dalam kehidupan mereka. Ini jelas difirmankan oleh Allah s.w.t. dalam surah al-Nahl 16:78. Maksudnya:

Dan Allah mengeluarkan kamu dari perut ibu kamu dengan keadaan tidak mengetahui sesuatu pun, dan Ia mengurniakan kepada kamu pendengaran dan penglihatan serta hati (akal fikiran) supaya kamu bersyukur.

Manusia belajar mengenali alam melalui pengamatan dan eksperimentasi melalui pemikiran yang normal. Firman Allah s.w.t. dalam surah al-Ankabut 29:20. Maksudnya:

Katakanlah: Mengembaralah kamu di muka bumi, serta lihatlah bagaimana Allah memulakan ciptaan makhluk-makhluk dari asal jadiannya.

Firman-Nya lagi dalam surah al-Hajj 22:46. Maksudnya:

Oleh itu, bukankah ada baiknya mereka mengembara di muka bumi supaya-dengan melihat kesan-kesan yang tersebut-mereka menjadi orang yang ada hati yang dengannya mereka dapat memahami atau ada telinga yang dengannya mereka dapat mendengar.

Ayat di atas menunjukkan pengamatan dan eksperimentasi, manakala pada tahap kedua menunjukkan penggunaan kuasa pemikiran. Eksperimen suatu keharusan untuk memahami alam dan Pencipta-Nya. Sekiranya kita hanya menggunakan pancaindera tanpa menggunakan akal, maka kita tidak lebih daripada haiwan sebagaimana firman Allah dalam surah al-A'raf 7:179 Maksudnya:

Dan sesungguhnya Kami jadikan untuk neraka jahannam banyak dari jin dan manusia yang mempunyai hati yang tidak (mahu) memahami dengannya (ayat-ayat Allah), dan mempunyai mata yang tidak (mahu) melihat dengannya (bukti kekuasaan Allah), dan mempunyai telinga yang tidak (mahu) mendengar dengannya (ajaran dan nasihat), mereka itu seperti binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi: mereka itulah orang-orang yang lalai.

Oleh itu, tidak dapat tidak untuk menanggapi ayat-ayat Allah dalam alam semesta ini haruslah individu menggunakan akal seperti ditegaskan oleh-Nya dalam surah Al Imran 3.190-191. Maksudnya:

Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan (pada) pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan dan keluasan hemah Allah) bagi orang-orang yang berakal. Iaitu bagi orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk, dan (semasa) mereka berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka.

Daripada keterangan-keterangan di atas dapat dinyatakan secara jelas bahawa di antara kepentingan persepsi dalam diri manusia adalah untuk:

1. Mengetahui bagaimana sasaran memproses rangsangan yang diterimanya dan memberi makna terhadapnya.
2. Dapat memahami bahawa persepsi seseorang ke atas sesuatu peristiwa yang sama mungkin berlainan.
3. Seseorang pendakwah akan dapat menentukan rangsangan dakwah yang diperlukan oleh berbagai-bagai sasaran, antaranya seperti kehebatan rangsangan, saiz rangsangan, kontras rangsangan, pergerakan rangsangan, pengulangan rangsangan dan perubahan rangsangan.

Masalah persepsi atau telahan merupakan masalah yang paling menarik perhatian di kalangan mereka yang bergiat dalam bidang kreativiti dan juga penyelidik-penyalidik dalam bidang psikologi. Tanpa kriteria yang jelas dan tepat maka penyelidikan menjadi sukar dan hasilnya tidak memuaskan hati. Oleh itu, persepsi memainkan peranan dalam kajian ilmiah. Dalam hal ini Islam menekankan perl pentingnya persepsi yang melibatkan ilmu dan tidak terkeluar daripada landasan yang telah ditetapkan olehnya.

#### TAMAN KAJANG UTAMA DAN TAMAN WEST COUNTRY

Taman Kajang Utama merupakan sebuah kawasan yang telah dimajukan oleh MRCB pada tahun 1993 yang terletak kira-kira 3 kilometer dari Bandar Kajang. Sebelum MRCB memajukan kawasan tersebut, ia merupakan kawasan penempatan penghianat negara yang dikenali sebagai golongan komunis atau menurut En.

Teh Kok Wah (2000), ia lebih dikenali sebagai hutan tikus (komunis). Oleh itu, untuk membasmi mereka daripada membina kekuatan, pihak kerajaan telah menubuhkan sebuah markas tentera di Kajang Utama yang dikenali dengan Skuadron 21 Jurutera Diraja Askar Wataniah dan memutuskan untuk memajukan kawasan tersebut dengan membina penempatan.

Semenjak dibuka pada tahun 1993 hingga pertengahan 2000, jumlah penghuni di Taman tersebut berjumlah 7200 orang yang majoritiannya didiami oleh masyarakat Melayu yang terdiri daripada 3000, manakala orang China 2200 dan India 2000 (En. Chew Peng Chou 2000). Jumlah ini membentuk 41.6% Melayu, 30.5% China dan 27.7% India, yang merangkumi dalam 12 fasa perumahan yang telah didirikan.

Orang-orang China merupakan tauke atau ahli perniagaan yang menguasai kedai-kedai yang terdapat di kawasan ini dan kebanyakannya membuka pasar mini, kilang perusahaan secara kecil-kecilan. Orang India pula lebih cenderung membuka kedai-kedai dan warung makanan, manakala orang Melayu hanya mampu untuk membuka warung-warung yang berselerakan di tepi-tepi jalan. Masyarakat Melayu yang mendiami kawasan ini sebenarnya merupakan kalangan mereka yang bekerja dengan pihak kerajaan, manakala masyarakat India lebih cenderung bekerja swasta atau sendiri dan orang China sebagai ahli perniagaan.

Keluasannya meliputi 63 ekar tanah yang lengkap dengan sebuah sekolah rendah, taman permainan dan surau yang dikenali dengan Surau al-Muhajirin bagi memudahkan masyarakat Islam menuaikan sembahyang berjemaah. Bagi menampung kemudahan para jemaah menuaikan solat Jumaat, Jabatan Agama Islam Selangor telah memberikan izin agar solat Jumaat dijalankan di taman tersebut berkuatkuasa pada akhir 1999. Sekolah rendah juga merupakan kemudahan asas yang masih baru beroperasi di taman tersebut iaitu sekitar 1996 untuk menampung keperluan pendidikan masyarakat setempat. Dengan adanya beberapa keperluan ini, maka Kajang Utama dilihat sebagai sebuah kawasan yang amat strategik untuk didiami.

Surau di taman tersebut telah lama didirikan iaitu semenjak daripada pembukaan fasa pertama dan kedua projek perumahan yang melibatkan rumah teres satu tingkat dan rumah kedai atau dalam erti kata yang lain wujudnya surau tersebut adalah serentak dengan kemasukan masyarakat Islam ke situ kerana terdapat sebuah tapak yang telah disediakan oleh pihak pemaju secara tidak rasmi. Namun begitu, hasil usaha penduduk dalam membangunkan syiar Islam, maka ketika ini wujudlah sebuah surau yang dikenali sebagai al-Muhajirin.

Diatas keprihatinan penduduk taman tersebut terhadap nilai-nilai ajaran Islam, maka telah wujud beberapa program yang boleh meningkatkan pembangunan kerohanian manusia seperti mengadakan sembahyang jemaah setiap waktu, ceramah khas, kelas pengajian al-Qur'an, kuliah subuh, majlis Korban dan beberapa tazkirah yang dilakukan secara teratur dan sempurna.

Seringkali ceramah khas yang diadakan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada penduduk dan ini menunjukkan bahawa masyarakat amat memerlukan bimbingan kerohanian dalam arus pembangunan hari ini.

Sambutan yang menggalakkan ini adalah disebabkan oleh hebahan yang amat berkesan dilakukan oleh ahli jawatankuasa surau tersebut. Antara cara yang dilakukan ialah dengan menghebahkan pada hari Jumaat serta mengedarkan risalah mengenai ceramah yang akan diadakan kepada setiap rumah kediaman Muslim. Lebih jauh daripada itu, media surau turut dibentuk dengan nama Buletin Surau untuk memperincikan lagi dan mengingatkan masyarakat tentang kegiatan yang bakal dilakukan. Antara penceramah yang pernah diundang adalah seperti Dato' Hassan Din al-Hafiz, Ustaz Hj. Daud Che' Ngah dan beberapa orang lagi.

Manakala kelas pengajian al-Qur'an diadakan di atas inisiatif para penduduk taman tersebut dengan menjemput Ustaz Wan Noh dan bayaran pengajian tersebut telah disediakan sendiri oleh ahli yang ingin menghadiri kelas yang diadakan seminggu sekali. Di samping itu, kuliah subuh juga turut diadakan dengan menjemput sama ada penceramah dari dalam atau luar dan antaranya adalah ADUN Kajang iaitu Y.B. Dr. Shafie Abu Bakar di atas dasar perihal pentingnya membangunkan kerohanian masyarakat. Manakala tazkirah lazimnya disampaikan oleh golongan tabligh dan menjadi aktiviti rutin di kalangan jemaah tersebut di Taman Kajang Utama.

Taman West Country telah dibuka dengan rasminya pada tahun 1984 yang dahulunya hanya dikenali sebagai West Country sahaja. West Country adalah sebuah penempatan estet kelapa sawit masyarakat India kepunyaan Belgium yang ditadbirkan oleh British. Menurut pengerusi PIBG SRJK (T) West Country (Timur), En. Periasamy a/l Munandy (2000), West Country pada mulanya dihuni oleh 200 orang dan usia kawasan tersebut dikatakan mencecah antara 84 hingga 100 tahun. Sebelum negeri Selangor dan khususnya kawasan Hulu Langat membangun dengan pesat, West Country mempunyai kawasan yang begitu luas sehingga sampai ke sempadan Sg. Merab yang meliputi Bandar Baru Bangi dan juga bersempadan dengan kawasan UKM.

Sehingga kini (tahun 2000) terdapat sebanyak 810 lebih keluarga yang terdiri daripada 400 keluarga masyarakat India, 400 keluarga masyarakat Melayu dan 10 keluarga masyarakat Cina. Taman ini bersebelahan dengan Taman Langat Jaya yang terdiri daripada 500 keluarga yang terdiri daripada 21 keluarga India, 2 Cina dan 400 lebih keluarga Melayu. Taman ini merupakan sebuah penempatan yang baru dibangunkan oleh PKNS sekitar tahun 1996.

Dalam taman tersebut terdapat sebuah kuil yang dikenali sebagai Mariama Temple yang telah berusia antara 90-100 tahun. Kuil ini menjadi tumpuan masyarakat India di sekitar Kajang untuk mengerjakan sembahyang khususnya pada hari Selasa dan Ahad.

Kemudahan tempat sembahyang bukan hanya tertumpu kepada masyarakat India sahaja, malah ianya turut tersedia kepada masyarakat Islam. Ini terbukti dengan terdirinya sebuah surau yang dikenali sebagai Surau al-Hidayah. Bukan sahaja sebagai tempat menunaikan sembahyang lima waktu secara jemaah, malah di sini juga terdapat pelbagai aktiviti untuk masyarakat setempat. Paling ketara adalah wujudnya sekolah agama atau lebih dikenali sebagai kelas KAFA bagi

murid-murid tahun satu hingga enam. Peluang pendidikan tersebut bukan hanya tertumpu kepada penduduk di taman tersebut sahaja, malah penduduk taman yang berhampiran seperti Taman Tenaga dan Taman Seri Intan. Begitu juga dengan aktiviti ceramah sempena hari-hari kebesaran dalam Islam seperti Maulid al-Rasul dan Isra' Mikraj. Tazkirah dan kuliah-kuliah maghrib dan subuh sering diadakan di surau tersebut sebagai tanda mengimarahkannya. Di antara penceramah yang pernah diundang ke surau tersebut ialah Ustaz Daud Che Ngah, dan Ustaz Ashmughī Hj. Sidek dan beberapa orang pensyarah daripada Universiti Kebangsaan Malaysia.

Bagi tujuan meningkatkan pendidikan masyarakat tempatan, pihak British telah membuka sekolah rendah pada tahun 1920 yang dikelolakan oleh seorang pengurus yang dikenali sebagai En. Green. Ketika Jepun menduduki Tanah Melayu, sekolah tersebut telah menghentikan operasi mereka dan disambung semula selepas British dapat menawan kembali Tanah Melayu. Pada waktu itu ianya merupakan sebuah kedai runcit seorang masyarakat tempatan yang dikenali sebagai En. Muniandy. Namun begitu, pada tahun 1980-an, pihak PKNS telah bersetuju untuk mengubahsuai stor getah untuk dijadikan bangunan sekolah dan sekitar 1990-an di tanah seluas 3 ekar, hasil kerja keras masyarakat tempatan, bantuan PKNS dengan usaha sama Dato' Seri S. Samy Vellu, bangunan baru SRJK (T) West Country (Timur) berdiri megah di Jalan 5, Seksyen 5, Bandar Baru Bangi dengan 2 blok bangunan yang cantik dan menarik. Bangunan baru ini mula digunakan sejak 1994 yang boleh menampung sehingga lebih 250 lebih orang pelajar (Buku Cenderamata Perasmian SRJK (T) West Country (Timur) 1996).

Untuk mewujudkan kemudahan prasarana pendidikan yang berterusan kepada masyarakat setempat, maka kementerian telah menujuhkan sebuah sekolah menengah yang dikenali sebagai Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Reko dalam kawasan Taman West Country sekitar tahun 1996. Malah dengan kewujudan sekolah tersebut ianya turut memudahkan masyarakat Melayu tempatan untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah dan mereka tidak perlu lagi ke bandar Kajang untuk menyambung pelajaran ke peringkat menengah.

#### PERSEPSI MASYARAKAT INDIA TERHADAP AGAMA DAN UMAT ISLAM

Bagi memenuhi kaji selidik, pengkaji memilih 100 orang responden yang terdapat di kedua-dua taman tersebut. Latar belakang responden ditinjau daripada sudut jantina, umur, pendidikan dan pekerjaan. Kesemua aspek ini penting untuk melihat dari sudut kepelbagaiannya responden yang mungkin boleh memberi kesan dari sudut persepsi mereka terhadap Islam dan umat Islam serta aktiviti yang dijalankan.

Daripada jumlah soal selidik yang diedarkan, seramai 60 responden adalah lelaki dan 40 lagi adalah perempuan. Ini bererti golongan lelaki yang menjadi

responden pengkaji berjumlah 60% dan perempuan pula berjumlah 40%. Ramainya golongan lelaki yang terlibat dalam soal selidik ini adalah kerana mereka merupakan golongan yang senang didekati kerana mempunyai persamaan dengan jantina penyelidik dan kebanyakannya mereka boleh ditemui di luar rumah berbanding dengan kaum perempuan.

Berdasarkan maklumat umur responden yang telah diperolehi hasil daripada kaji selidik yang dilakukan adalah merangkumi semua peringkat umur sebagaimana yang telah dinyatakan dalam borang soal selidik yang dapat dirumuskan seperti berikut; responden yang berumur 20 tahun ke bawah mewakili sebanyak 22 orang atau 22%, umur 20-an sebanyak 16 orang atau 16%, umur 30-an seramai 34 orang atau 34%, berumur 40-an seramai 14 orang atau 14% dan berumur 50-60-an seramai 14 orang atau 14%. Daripada pecahan di atas, responden yang paling ramai adalah di kalangan mereka yang berumur 30-an, kemudian diikuti oleh mereka yang berumur di bawah 20-an dan 20-an ke atas.

Pengkaji telah mengkategorikan tiga peringkat taraf pendidikan iaitu pendidikan rendah, menengah dan tinggi. Daripada 100 soal selidik yang telah dikemukakan seramai 32 orang responden atau 32% berpendidikan rendah, manakala 56 orang atau 56% di kalangan mereka mendapat pendidikan di tahap menengah dan seramai 12 orang atau 12% berpendidikan tinggi. Ini menggambarkan bahawa penduduk India di Taman Kajang Utama dan Taman West Country adalah di kalangan mereka yang majoritinya mendapat pendidikan di tahap menengah dan ini bersesuaian dengan kemajuan di dalam sesuatu masyarakat yang wujudnya evolusi dalam pencapaian pendidikan.

Untuk melihat pekerjaan yang dilakukan oleh responden, pengkaji telah menyenaraikan tiga kategori iaitu kerja dengan sektor kerajaan, swasta dan sendiri. Hasil daripada kajian yang dilakukan terdapat 18 orang atau 18% bekerja dengan kerajaan, 24 orang bekerja dengan pihak swasta atau 24% dan selebihnya iaitu 58 orang atau 58% bekerja sendiri yang mana tergolong juga di kalangan mereka yang masih belum bekerja iaitu di kalangan mereka yang masih belajar.

#### PANDANGAN TERHADAP AGAMA ISLAM

Untuk melihat pandangan responden terhadap Islam tentulah perlu dinilai dari sudut pemahaman mereka sama ada dari sudut pembacaan dan sebagainya. Ini kerana membaca merupakan salah satu cara untuk seseorang mendalamai sesuatu ajaran. Hasil daripada soal selidik yang dilakukan seramai 52 orang atau 52% responden mengaku telah membaca mengenai Islam dan selebihnya itu 48 orang atau 48% adalah di kalangan mereka yang tidak pernah membaca tentang Islam dan kemungkinan mereka ini boleh memahami atau mengetahui tentang Islam melalui cara yang lain seperti pendengaran dan penglihatan.

Hasilnya kita dapat melihat dari pembacaan mereka tentang Islam yang akhirnya membolehkan mereka membuat pecahan dari sudut agama iaitu agama

langit dan budaya. Tiga puluh enam orang atau 36% bersetuju dengan pecahan tersebut, manakala 28 responden atau 28% menyatakan tidak dan 36 orang atau 36% merupakan di kalangan mereka yang tidak tahu atau dengan erti kata yang lain di kalangan mereka yang tidak mengetahui tentang pembahagian agama tersebut.

Oleh kerana kefahaman baik tentang konsep pembahagian agama, maka mereka telah mengetahui hakikat bahawa Islam sebenarnya adalah agama langit dan Hindu adalah agama budaya. Ini terbukti dengan kajian yang telah dibuat, di mana, 40 responden atau 40% merupakan golongan yang menyetujui pembahagian tersebut, manakala 20 responden atau 20% adalah mereka yang enggan mengakui dan sebenarnya mereka juga berhasrat meletakkan agama Hindu setara dengan ajaran Islam. Sementara 40 orang atau 40%, adalah di kalangan mereka tidak mengetahui pembahagian tersebut.

Kefahaman responden terhadap Islam semakin terserlah dengan mengakui bahawa al-Qur'an bukanlah ciptaan manusia sebagaimana yang didakwa oleh sebahagian Orientalis. Sebanyak 60 responden atau 60% mengakui al-Qur'an merupakan kitab suci bagi umat Islam dan kitab Veda sebagai kitab suci bagi masyarakat Hindu. Sementara 16 responden atau 16% tidak mengakuinya sebagai kitab suci bagi umat Islam dan 24 responden atau 24% tidak mengetahui hal tersebut.

Malah lebih jauh daripada itu, 56 responden atau 56% telah menyatakan persetujuan bahawa Islam adalah agama yang terakhir, manakala 20 orang atau 20% menafikannya dan 24 orang atau 24% tidak mengetahuinya. Bagi mengembangkan Islam, Tuhan telah melantik Muhammad sebagai Nabi dan Rasul-Nya. Ini bererti, Muhammad sebagai Nabi dan Rasul yang terakhir. Daripada soal selidik yang diedarkan, 62 responden atau 62% telah bersetuju Nabi Muhammad diutuskan untuk mengembangkan Islam, 14 responden atau 14% tidak mengetahui atau enggan mengiktiraf, manakala 24 orang atau 24% merupakan mereka yang tidak mengetahui hal tersebut. Mereka juga mengetahui Nabi Muhammad merupakan manusia biasa dan ini membentuk 66 orang atau 66% responden yang mengetahuinya, 12 orang atau 12% merupakan kalangan mereka yang tidak mengiktirafnya, manakala 22 orang atau 22% merupakan kalangan mereka yang tidak mengetahuinya.

Konsep manusia sebagai hamba Tuhan juga diakui oleh kebanyakan responden yang terlibat, di mana seramai 62 responden atau 62% yang mengakuinya dan 22 orang atau 22% enggan mengakuinya, manakala selebihnya iaitu 16 orang atau 16% adalah di kalangan mereka yang tidak mengetahui konsep hamba dan Tuhan. Selain daripada manusia yang wujud di muka bumi ini, mereka juga mempercayai wujudnya makhluk yang lain seperti jin dan iblis. Tiga puluh empat responden atau 34% yang mengakui hal tersebut, 34 orang atau 34% kalangan mereka yang tidak mengakuinya, manakala selebihnya iaitu 32 responden atau 32% yang tidak mengetahui hal tersebut. Malah ada juga di antara mereka yang mengakui bahawa jin dan iblis merupakan makhluk Tuhan. Hasil soal selidik yang dilakukan, terdapat 32 responden atau 32% yang

menyetujuinya dan 30 orang atau 30% responden yang tidak mengakuinya. Manakala 38 orang atau 38% di kalangan mereka yang tidak mengetahui status makhluk-makhluk tersebut. Responden juga mempercayai makhluk tersebut berperanan menyesatkan manusia. Ini terbukti 38 responden atau 38% telah mengetahui hal tersebut, manakala mereka yang tidak bersetuju dengan peranan makhluk tersebut adalah berjumlah 28 responden atau 28% dan selebihnya tidak mengetahui langsung tujuan makhluk tersebut wujud di atas muka bumi ini.

Kefahaman mereka tentang ajaran Islam semakin terserlah, di mana seramai 44 orang atau 44% responden telah memahami Islam sebagai agama yang menyamakan hak dan darjah, manakala 32 orang atau 32% yang mengatakan tidak dan selebihnya 24 orang atau 24% mereka yang tidak mengetahui hal tersebut. Oleh kerana mereka suka dengan keadaan tersebut, sekaligus menyebabkan mereka sebenarnya adalah golongan yang menentang sistem kasta. Ini terbukti apabila hanya 40 orang atau 40% responden yang menyetujui sistem kasta dalam masyarakat India, manakala 50 orang atau 50% adalah kalangan mereka yang tidak menyetujuinya dan selebihnya 10 orang atau 10% adalah kalangan mereka yang enggan membuat sebarang pengakuan.

Mereka juga mengakui bahawa semua perkara yang diharamkan dalam Islam kerana kejinya perkara tersebut. Ini terbukti seramai 44 orang atau 44% mereka yang bersetuju dengan hal di atas, manakala 34 orang atau 34% adalah kalangan mereka yang tidak bersetuju dan selebihnya 22 orang atau 22% adalah mereka yang tidak tahu tentang hal halal dan haram. Malah lebih jauh daripada itu, 40 orang atau 40% telah bersetuju dengan sesuatu perkara yang dihalalkan oleh Islam kerana perkara tersebut tidak memudaratkan manusia, manakala 30 orang atau 30% adalah di kalangan responden yang tidak bersetuju, manakala 30 responden atau 30% adalah mereka yang tidak tahu tentang konsep halal dalam ajaran Islam.

Majoriti responden yang dipilih juga mengetahui tentang undang-undang Islam dan kepentingannya. Ini dapat dibuktikan dengan 68 orang atau 68% yang mengetahui tentang undang-undang tersebut berbanding mereka yang tidak mengetahuinya iaitu berjumlah 34 orang atau 34% di kalangan mereka. Malah majoriti mereka turut mengakui, sekiranya undang-undang Islam dilaksanakan, bererti keadilan akan terlaksana ke atas manusia. Hal tersebut telah membentuk 40 orang atau 40% kalangan mereka yang bersetuju, manakala 30 orang atau 30% mereka yang tidak menyetujuinya dan selebihnya 30 orang atau 30% responden yang tidak mengetahui hal tersebut. Namun begitu, majoriti responden tidak bersetuju dengan pelaksanaan undang-undang tersebut pada zaman sekarang dan ini disokong oleh 58 orang atau 58% responden dan hanya 42 orang atau 42% kalangan mereka yang bersetuju dikenakan hanya ke atas orang-orang Islam sahaja. Fenomena di atas telah membentuk ramai di kalangan mereka yang tidak suka kepada undang-undang tersebut dilaksanakan. Di mana 66 orang atau 66% mereka yang tidak menggemarkinya dan selebihnya 34 orang atau 34% di kalangan mereka yang menyatakan kesukaan undang-undang

tersebut dilaksanakan. Mereka telah memberi pelbagai alasan di atas ketidaksukaan mereka kepada undang tersebut seperti zaman sudah berubah, tidak sesuai untuk bukan Islam, Malaysia masyarakat majmuk, mendatangkan kesusahan kepada masyarakat bukan Islam.

Responden juga mengakui umat Islam diwajibkan berpuasa selama satu bulan dalam setahun sebagaimana yang telah diperintahkan oleh agama Islam. Namun begitu, mereka juga merupakan manusia yang berpuasa dan mereka ini tergolong di kalangan mereka yang baik atau beragama. Cumanya orang-orang India berpuasa dengan hanya memakan sayuran-sayuran dan buah-buahan selama beberapa hari. Ini terbukti apabila, 46 orang atau 46% yang mengakui mereka berpuasa dan 54 orang atau 54% adalah kalangan mereka yang tidak berpuasa. Ini menunjukkan bahawa semua responden memahami konsep berpuasa dalam masyarakat India dan terbukti di mana tiada responden yang tidak tahu tentang amalan berpuasa. Puasa masyarakat India tidak terikat dengan waktu yang tertentu dan mereka bebas untuk mengamalkan berapa lama mereka ingin berpuasa. Ini terbukti, di mana terdapat responden yang berpuasa selama dua hari seminggu, seminggu, dua minggu malah ada yang berpuasa selama 48 hari.

Secara keseluruhannya, data-data yang ditonjolkan di atas menggambarkan bahawa daripada 20 persoalan yang diajukan menunjukkan bahawa responden (masyarakat India) khususnya di Taman Kajang Utama dan Taman West Country mempunyai persepsi yang amat tinggi terhadap Islam. Ini terbukti, di mana peratusan mereka yang menandakan pada kolumnya/ sesuai dan suka jauh lebih tinggi dengan peratusan mereka yang menandakan pada kolumnya tidak/ tidak sesuai dan tidak suka. Daripada 20 persoalan yang diajukan, hampir 15 item yang mempunyai peratusan yang lebih daripada kolumnya tidak. Manakala bagi kolumnya tidak tahu, pengkaji meletakkan sebagai berkecuali. Ini jelas dapat dilihat dalam Jadual 1.

#### PANDANGAN TERHADAP UMAT ISLAM DAN AKTIVITI YANG DIJALANKAN

Untuk menilai persepsi masyarakat India terhadap umat Islam dan persoalan aktiviti yang telah diadakan, beberapa persoalan telah dibentuk mengenai persoalan kejiraninan, persahabatan, menghadiri majlis yang berbentuk sosial seperti kenduri perkahwinan dan persoalan status umat Islam. Manakala untuk melihat persepsi mereka terhadap aktiviti yang dijalankan oleh umat Islam, pengkaji melihat respons sasaran terhadap aktiviti yang dijalankan sama ada di surau dan persekitaran lokasi kajian.

Daripada soal selidik yang diedarkan, seramai 76 responden atau 76% di kalangan mereka pernah tinggal berjiran dengan orang-orang Islam, manakala 24 orang atau 24% adalah di kalangan mereka yang tidak pernah tinggal berjiran dengan orang-orang Islam. Kebanyakan responden yang telah tinggal berjiran

JADUAL 1. Persepsi responden terhadap agama Islam

No.	Item	Ya/ Sesuai/ Suka	Tidak/ Tidak Sesuai/ Tidak Suka	Tidak Tahu	Jumlah Keseluruhan
1.	Membaca tentang Islam	52%	48%	–	100%
2.	Agama terbahagi 2,	36%	28%	36%	100%
3.	Islam agama langit, Hindu agama budaya	40%	20%	40%	100%
4.	Al-Quran bukan ciptaan manusia	60%	16%	24%	100%
5.	Islam agama terakhir	56%	20%	24%	100%
6.	Muhammad sebagai Nabi dan Rasul	62%	14%	24%	100%
7	Muhammad manusia biasa	66%	12%	22%	100%
8.	Manusia hamba Tuhan	62%	22%	16%	100%
9.	Percaya wujudnya Jin dan Iblis	34%	34%	32%	100%
10.	Jin dan Iblis makhluk Tuhan	32%	30%	38%	100%
11.	Fungsinya menyesatkan manusia	38%	28%	34%	100%
12.	Islam menyamakan hak dan darjat	44%	32%	24%	100%
13.	Bersetuju dengan kasta	40%	50%	10%	100%
14.	Haram kerana kejinya sesuatu perkara	44%	34%	22%	100%
15.	Halal kerana tidak memudaratzkan	40%	30%	30%	100%
16.	Tahu undang-undang Islam	68%	32%	–	100%
17	Pelaksanaannya bererti keadilan ke atas manusia	40%	30%	30%	100%
18.	Sesuai dengan zaman sekarang	42%	58%	–	100%
19.	Suka dilaksanakan	34%	66%	–	100%
20.	Adakah anda berpuasa	46%	54%	0%	100%

Sumber: Soal selidik 2000.

dengan orang-orang Islam, tidak mengalami sebarang masalah dan ini terbukti apabila hanya 20 atau 20% sahaja di kalangan mereka yang mengatakan berjiran dengan orang-orang Islam telah mendarangkan masalah, manakala 66 orang atau 66% adalah mereka yang tidak mempunyai sebarang masalah dan selebihnya 14 responden atau 14% adalah di kalangan mereka yang tidak mengetahui sama ada jiran mereka mendarangkan masalah atau sebaliknya. Bagi mereka yang pernah didatangkan masalah jiran, mereka menyatakan bahawa orang Islam tidak berperikemanusiaan, niat di hati tidak jujur dan sombang. Ini adalah disebabkan oleh beberapa perkara seperti mereka pernah berkelahi yang berpunca daripada persoalan semasa seperti membuat bising dan mencetuskan masalah sensitif seperti mengganggu anjing-anjing mereka.

Oleh kerana ramai di kalangan mereka yang berjiran dengan orang-orang Islam dan dalam masa yang sama orang-orang Islam tidak mendarangkan masalah

kepada mereka, maka hal tersebut telah mendorong mereka untuk meminta bantuan kepada jiran-jiran mereka. Ini dapat dilihat bahawa, seramai 46 responden atau 46% merupakan mereka yang pernah meminta bantuan jiran mereka, manakala 46 orang atau 46% juga di kalangan mereka yang tidak pernah meminta bantuan daripada jiran-jiran mereka dan selebihnya iaitu 8 orang atau 8% adalah di kalangan mereka yang tidak mengetahui sama ada mereka pernah meminta bantuan atau sebaliknya kepada jiran-jiran mereka. Kesan langsung daripada permintaan mereka dari sudut meminta bantuan telah menunjukkan respons yang begitu baik daripada jiran-jiran mereka. Ini dapat dibuktikan di mana, 66 responden telah mengatakan bahawa apabila mereka meminta bantuan, maka jiran mereka akan membantu mereka. Manakala 28 orang atau 28% adalah di kalangan mereka yang meminta bantuan tetapi tidak diendahkan oleh jiran dan selebihnya 6 responden atau 6% merupakan mereka yang tidak mengetahui sama ada jiran mereka telah menolong atau sebaliknya apabila mereka meminta jiran mereka membantu.

Malah responden di kedua-dua lokasi tersebut juga merupakan kalangan mereka yang berkawan dengan orang-orang Islam dan ini membayangkan wujudnya kemesraan di kalangan masyarakat setempat. Ini dapat dilihat, di mana seramai 72 responden atau 72% adalah di kalangan mereka yang berkawan dengan orang-orang Islam. Manakala 26 responden atau 26% adalah kalangan mereka yang tidak pernah berkawan dengan orang-orang Islam dan 2 orang atau 2% adalah kalangan mereka yang tidak tahu sama ada mereka pernah berkawan atau sebaliknya. Apabila mereka berkawan dengan orang Islam, tentu sekali mereka akan melihat tingkah laku yang diamalkan oleh kawan-kawan mereka. Amat jelas bahawa, kebanyakkan orang-orang Islam yang berkawan dengan orang-orang India tidak melakukan perkara-perkara yang tidak baik. Ini dapat dilihat, daripada 100 orang responden, seramai 58 orang atau 58% adalah mereka yang mengakui bahawa, kawan mereka (iaitu orang-orang Islam) tidak melakukan perkara-perkara yang tidak baik. Manakala 20 orang atau 20% adalah di kalangan mereka yang tidak tahu sama ada kawan mereka pernah atau sebaliknya melakukan perkara yang tidak baik dan 22 responden atau 22% memberikan pengakuan yang kawan mereka pernah melakukan perkara yang tidak baik seperti tidak menepati masa, pinjam wang atau peralatan dan mereka tidak membayar dan memulangkannya, mengambil nombor ekor bersama mereka, malah ada di kalangan responden yang mengatakan bahawa ramai orang-orang Islam yang jahat.

Suatu hal yang boleh dibanggakan ialah kewujudan surau di kedua-dua taman tersebut kebanyakannya telah diketahui oleh masyarakat India. Ini terbukti bahawa, seramai 50 responden atau 50% adalah di kalangan mereka yang mengetahui tentang kewujudannya, manakala 36 orang atau 36% adalah kalangan mereka yang tidak tahu tentang kewujudan institusi tersebut dan selebihnya 14 orang atau 14% adalah mereka yang tidak mengambil tahu langsung tentang institusi tersebut.

Mereka turut mengakui bahawa, di sana terdapatnya aktiviti-aktiviti keagamaan yang dilakukan oleh masyarakat Islam. Hal ini dapat dilihat di mana

seramai 46 orang atau 46% adalah kalangan mereka yang menyedari wujudnya program yang dianjurkan oleh masyarakat Islam. Manakala 36 responden atau 36% adalah kalangan mereka yang tidak mengetahui dan selebihnya 18 orang atau 18% merupakan mereka yang tidak tahu sama ada wujudnya program yang dilakukan oleh umat Islam atau sebaliknya. Walaupun di surau tersebut terdapatnya program yang dianjurkan oleh umat Islam, namun yang jelas dan pasti, responden sebenarnya tidak merasa tertarik dengan program yang diadakan. Ini terbukti apabila hanya 28 responden atau 28% di kalangan mereka yang menyatakan mempunyai rasa tertarik dengan beberapa program yang diadakan seperti azan, ceramah dan sebagainya. Namun begitu, seramai 46 responden atau 46% adalah kalangan mereka yang tidak menyatakan rasa tertarik terhadap program yang diadakan dan selebihnya 26 orang atau 26% merupakan mereka yang tidak tahu sama ada program yang diadakan mendatangkan tarikan kepada mereka atau sebaliknya. Kesannya, kita dapat melihat di mana hanya seramai 20 responden atau 20% pernah mencuba untuk memahami program yang mereka dengar di surau tersebut, manakala 58 orang atau 58% adalah kalangan mereka yang tidak pernah mencuba dan selebihnya 22 orang atau 22% adalah kalangan mereka yang langsung tidak pernah mencuba untuk memahami sesuatu yang mereka dengar dari institusi tersebut. Namun begitu, program-program yang diadakan seperti azan, ceramah, tazkirah dan sembahyang jemaah oleh umat Islam tidak mendatangkan masalah ketenteraman kepada mereka. Ini terbukti bahawa hanya seramai 30 responden atau 30% yang menyatakan bahawa program-program tersebut mengganggu ketenteraman kepada mereka berbanding dengan mereka yang menyatakan tidak mengganggu ketenteraman mereka iaitu 56 responden atau 56%, manakala 14 orang atau 14% adalah yang tidak tahu sama ada program tersebut mendatang masalah ketenteraman kepada mereka atau tidak.

Responden juga merupakan kalangan mereka yang pernah atau kadang-kadang menyertai gotong-royong yang telah diadakan oleh masyarakat seperti gotong-royong mencuci kawasan sekolah dan membersih persekitaran kediaman. Ini jelas dapat dilihat di mana seramai 28 orang atau 28% responden yang pernah menyertai kegiatan tersebut. Begitu juga dengan 28 responden yang lain atau 28% lagi merupakan kalangan mereka yang kadang-kadang menyertai kegiatan tersebut. Manakala mereka yang tidak pernah menyertai kegiatan tersebut terdiri daripada 44 orang atau 44% daripada soal selidik yang diadakan.

Kerjasama ini nampak mudah untuk dilakukan kerana responden merupakan kalangan mereka senang untuk bekerja bersama-sama dalam sesuatu komuniti. Ini terbukti apabila 64 orang atau 64% adalah kalangan mereka yang menyatakan senang membuat kerja bersama-sama dengan orang-orang Islam dengan beralasan bahawa dengan wujudnya konsep kerjasama akan wujudlah persefahaman antara kaum, nampak wujudnya kesatuan, wujudnya sifat menghormati, mewujudkan konsep tolong-menolong dan akan menyebabkan ramai kawan atau sahabat atau kenalan.

Sikap menghormati sesuatu masyarakat juga kelihatan wujud dalam kelompok masyarakat di dua lokasi kajian, di mana seramai 54 orang atau 54% merupakan mereka yang pernah menghadiri kenduri yang diadakan di kalangan orang-orang Islam berbanding dengan mereka yang tidak pernah menghadirinya iaitu 46 orang atau 46%.

Namun begitu, apabila menyentuh persoalan status umat Islam secara umum, terdapat di kalangan mereka yang enggan mengakui umat Islam adalah umat yang terbaik berbanding dengan umat-umat yang lain. Ini jelas dapat dilihat di mana hanya 40 responden atau 40% yang bersetuju dengan status tersebut diberikan kepada umat Islam, manakala 42 responden atau 42% adalah kalangan mereka yang enggan mengakuinya dan 18 orang atau 18% adalah mereka yang menyatakan amat tidak setuju dengan status tersebut. Mereka yang tidak setuju menyatakan bahawa ramai di kalangan umat Islam tidak baik, buktinya ramai di kalangan umat Islam yang menghuni dalam penjara dan ada juga yang cuba fokuskan kepada jiran mereka yang tidak baik tingkah lakunya, malah kebanyakan mereka cuba meletakkan umat Islam setanding dengan umat-umat yang lain termasuk orang-orang Hindu sendiri.

Oleh kerana itulah mereka tidak bersetuju meletakkan umat Islam sebagai pemimpin kepada umat yang lain. Ini jelas terlihat di mana hanya seramai 36 orang atau 36% sahaja kalangan mereka yang bersetuju dan selebihnya iaitu 52 responden atau 52% yang tidak bersetuju dan selebihnya iaitu 12 orang atau 12% adalah kalangan mereka yang amat tidak bersetuju dengan kedudukan tersebut.

Hal ini mungkin dilihat kepada kesan perpecahan yang berlaku dalam umat Islam hari ini. Ini jelas daripada soal selidik yang diedarkan, di mana seramai 52 orang atau 52% adalah kalangan mereka yang menyatakan umat Islam telah berpecah, manakala selebihnya 32 responden atau 32% dan 16 responden atau 16% adalah di kalangan mereka yang menyatakan tidak setuju dan tidak tahu dengan hal yang sedemikian. Oleh kerana berpecahnya umat Islam, mereka melihat umat Islam menjadi lemah, di mana hampir 80 responden atau 80% bersetuju dengan fenomena tersebut manakala 20 responden atau 20% adalah kalangan mereka yang tidak bersetuju.

Malah apa yang lebih menyedihkan lagi, hasil yang ditemui ialah seramai 62 responden atau 62% melebalkan umat Islam sebagai umat yang ekstrem atau fundamentalis, malah hanya seramai 38 orang atau 38% yang menyatakan ketidaksetujuan dengan status tersebut.

Scara umumnya dapat dirumuskan, daripada persoalan persepsi masyarakat India terhadap umat Islam masih lagi tahap yang sederhana. Ini berkemungkinan mereka seringkali melihat tingkah laku yang negatif dilakukan oleh umat Islam itu sendiri. Persoalan inilah yang seringkali menjadi permasalahan besar dalam proses kerja-kerja pendakwahan. Ini dapat dibuktikan di mana daripada 12 item yang menyentuh tentang umat Islam hanya 7 item yang mendapat peratusan yang tertinggi. Malah lebih membimbangkan, ramai antara mereka turut menyatakan

rasa tidak tertarik terhadap aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh umat Islam di sekitar kedua-dua taman tersebut. Ini terbukti di mana daripada 7 item yang berkaitan dengan aktiviti umat Islam, hanya 3 item yang memperolehi peratusan yang tinggi daripada responden. Kedua persoalan ini dapat dilihat secara lebih jelas dalam Jadual 2 di bawah.

JADUAL 2. Pandangan responden terhadap umat Islam dan aktiviti yang dilakukan

No.	Item	Ya/Pernah/ Pernah Mencuba/ Setuju/Ada	Tidak/ Tidak Pernah/ Tidak Pernah/ Tiada	Tidak Tahu/Amat Tidak Tahu/ Langsung Tidak Pernah Mencuba/ Amat Tidak Setuju/ Kadang-kadang	Jumlah
		Keselu- ruhan			
1	Berjiran dengan orang-orang Islam	76%	24%	—	100%
2.	Mendatangkan masalah kepada anda	20%	66%	14%	100%
3	Meminta bantuan kepada jiran	46%	46%	8%	100%
4	Adakah mereka menolong anda	66%	28%	6%	100%
5	Berkawan dengan orang-orang Islam	72%	26%	2%	100%
6	Orang Islam melakukan perkara tidak baik	22%	58%	20%	100%
7	Tempat anda terdapat surau	50%	36%	14%	100%
8	Terdapat aktiviti di sana	46%	36%	18%	100%
9	Anda tertarik dengan aktiviti yang diadakan	28%	46%	26%	100%
10.	Cuba memahami aktiviti tersebut	20%	58%	22%	100%
11.	Adakah program yang diadakan mengganggu anda	30%	56%	14%	100%
12.	Menyertai gotong-royong	28%	44%	28%	100%
13.	Senang bekerja dengan orang-orang Islam	64%	36%	—	100%
14.	Menghadiri majlis kenduri	54%	46%	—	100%
15.	Umat Islam-umat terbaik	40%	42%	18%	100%
16.	Layak memimpin umat lain	36%	52%	12%	100%
17	Umat Islam tidak bersatu	52%	32%	16%	100%
18.	Umat Islam-lemah	80%	20%	—	100%
19	Umat Islam-ekstrem	62%	38%	—	100%

Sumber: Soal selidik 2000.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa persepsi masyarakat India khususnya di Taman Kajang Utama dan Taman West Country terhadap agama Islam begitu tinggi, di mana daripada 20 item yang diajukan, 15 daripadanya mendapat peratusan yang tinggi yang melebihi peratusan mereka yang menandakan pada kolumnya tidak/tidak sesuai dan tidak suka.

Ini adalah satu realiti yang perlu diakui oleh non-Muslim khususnya masyarakat India berbanding dengan kepercayaan atau agama yang mereka anuti. Lima belas item yang mendapat peratusan yang tinggi tersebut ialah komitmen mereka membaca tentang Islam, konsep pembahagian agama, kedudukan al-Qur'an, Islam agama terakhir, Kenabian dan Kerasulan Muhammad, manusia sebagai hamba, jin dan iblis sebagai makhluk Tuhan dan fungsinya, Islam menyamakan hak, konsep haram dan halal dan persoalan tentang perundangan Islam.

Namun begitu, persepsi masyarakat India terhadap umat Islam tidak begitu memberangsangkan sebagaimana persepsi yang diberikan terhadap agama Islam. Boleh dikatakan persepsi berada di tahap yang sederhana dan ini dibuktikan daripada 12 item yang diajukan, hanya 7 item yang mempunyai peratusan yang tinggi yang meletakkan pada kolumnya ya/pernah/pernah mencuba/ setuju dan ada. Malah lebih membimbangkan daripada hasil kaji selidik ini ialah daripada 7 item yang berkaitan dengan persepsi mereka terhadap aktiviti yang dilakukan oleh masyarakat, hanya 3 sahaja item yang mempunyai peratusan yang tertinggi walaupun di sana terdapatnya pelbagai aktiviti yang dilakukan oleh masyarakat tempatan seperti ceramah, kelas pengajian al-Qur'an, tazkirah, azan, beberapa siri kuliah dan sebagainya.

## RUJUKAN

- Al-Quran al-Karim.  
 Albers, H. H. 1974. *Principles of management: A modern approach*. New York: Wiley.  
*Buku Cenderamata Perasmian SRJK (T) West Country (Timur)*. 1996.  
 Chew Peng Chou. 2000. Manager Projek MRCB Kajang Utama. *Temu bual*. 21 Mei.  
 Morris, C. G. 1976. *Psychology: An introduction*. Englewood Cliff. NJ: Prentice Hall.  
 Periasamy a/l Muniandy. 2000. Pengurus PIBG SRJK (T) West Country (Timur). *Temu bual*. 17 Okt.

- Teh Kok Wah. 2000. Clerk of Work MRCB Kajang Utama. *Temu bual*. 21 Mei.
- Walter, G. C. 1974. *Consumer behaviour the theory and practice*. New York: Richard D. Irwin.

Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor Darul Ehsan  
[dzuwan@pkrisc.cc.ukm.my](mailto:dzuwan@pkrisc.cc.ukm.my)  
[bmn@pkrisc.cc.ukm.my](mailto:bmn@pkrisc.cc.ukm.my)

